

28/02/2003

Memancing bersama PM esok

ESOK, Wak dan sebahagian Team Joran akan berada di Langkawi, Kedah bagi menganjurkan Pertandingan Memancing Joran-Perdana MKLand anjuran bersama MKLand Berhad dan Unit Joran Berita Harian. Minggu depan pula, Team Joran

akan berkampung di Pantai Puteri, Melaka untuk Pra-GP Joran.

Pada Wak ini adalah dua pertandingan memancing `besar' yang mencabar selepas kejayaan pertandingan di Putrajaya yang sekali gus mengekalkan status Joran sebagai penganjur pertandingan memancing terbaik di negara ini.

Wak tak risau sangat pasal Pra-GP Joran di Melaka sebab Wak yakin sasaran sekurang-kurangnya 2,000 peserta boleh dicapai. Malah Wak yakin satu lagi rekod penyertaan boleh dicatatkan di Melaka kelak kerana hadiah yang ditawarkan sangat lumayan.

Bagi pertandingan Perdana MK Land, Wak sebenarnya bangga kerana Joran dilantik oleh syarikat berkenaan bagi menganjurkan pertandingan memancing

sempena perasmian hotel Langkawi Lagoon yang dijadual disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Wak yakin persekitaran Langkawi Lagoon akan berubah wajah apabila pelbagai golongan - daripada orang kenamaan sehingga rakyat jelata - datang ke sana bagi sama-sama menjayakan pelbagai acara yang disusun termasuk persembahan kumpulan Senario, malam ini.

Wak pernah menginap di Langkawi Lagoon sebelum ini. Persekitarannya indah, nyaman, damai dan menarik. Seawal pagi, apabila menjenguk keluar tingkap hotel, kelihatan bot nelayan keluar masuk ke perkampungan nelayan

berhampiran dengan hasil masing-masing.

Wak yakin benteng pemecah ombak sepanjang 2.7 kilometer di hadapan Langkawi Lagoon pasti akan menjadi saksi satu lagi kejayaan penganjuran pertandingan yang dikelolakan Joran. Kalau diikutkan rekod pertandingan memancing yang pernah diadakan di Langkawi oleh beberapa penganjur lain sebelum ini, memang kurang menggalakkan. Tapi untuk menyamakan mereka dengan penganjuran oleh Joran, Wak rasa tak adil.

Joran sudah terbukti relevan dan sinonim dengan kaki pancing walau di mana jua. Malah di Labuan awal tahun lalu pertandingan memancing yang diadakan di Pantai Pancur Hitam sempena sambutan hari Wilayah disertai lebih 900 peserta. Pertandingan memancing Putrajaya baru-baru ini menambahkan lagi keyakinan Wak bahawa walau di mana jua sekali pun Joran menganjurkan pertandingan, pasti ramai kaum kerabat kaki pancing akan datang berduyun-duyun. Inikan lagi di Langkawi yang mempunyai ramai kaki pancing termasuk beberapa peserta tetap GP Joran seperti Sonomi Abdullah dan Azman Abdul Aziz.

Wak dengar Dr Mahathir pun akan memancing sama kali ini. Kalau dah orang nombor satu negara pegang joran, Wak yakin kaum kerabat, pengikut setia, ahli rombongan dan orang kenamaan lain turut serta.

Bagi kaki pancing dari kalangan rakyat jelata, Wak rasa inilah masanya

untuk kita sama-sama turun padang bersama Dr Mahathir, manalah tahu
untung
nasib boleh jadi juara dan dapat hadiah daripada PM! Kalau tak pun,
cuba-
cubalah bawa kamera sendiri kot-kot PM kita tu sudi bergambar bersama
semasa memancing! Boleh juga gambar berkenaan dijadikan kenangan.